

Untuk Siaran Segera  
21 April 2022

**PNB KOMITED UNTUK MEMBINA MASA DEPAN SIFAR BERSIH  
MELALUI RANGKA KERJA KELESTARIAN BAHARU**  
*10 komitmen ESG merentas syarikat dan pelaburan*

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan Rangka Kerja Kelestarian untuk berdepan dengan landskap pelaburan global yang berubah. Sebagai pemegang amanah kekayaan dan aset Malaysia yang dipercayai, ia bertanggungjawab untuk memimpin dan melaksanakan perubahan bagi memastikan peralihan yang teratur dan saksama ke arah ekonomi yang mampan.
- Sejak penubuhannya pada 1978, PNB telah melaksanakan mandatnya untuk menjana pulangan yang mampan kepada lebih 14 juta pemegang akaun. Untuk terus berbuat demikian dalam jangka masa panjang, PNB perlu menangani isu-isu penting ESG yang memberi kesan kepada portfolionya dan secara aktif memanfaatkan peluang yang menguntungkan.
- Tumpuan kepada ESG dijangka meningkatkan lagi pulangan bagi pemegang unit kerana kajian menunjukkan syarikat dengan model *Triple Bottom Line* berprestasi lebih baik daripada mereka yang tidak menangani isu ESG.
- Rangka Kerja Kelestarian menyatukan semua usaha PNB dalam pelbagai bidang kelestarian selama bertahun-tahun ke dalam satu rangka kerja yang jelas dan komprehensif. Ia menggariskan 10 komitmen untuk operasi PNB sendiri dan juga pelaburannya di bawah tiga teras iaitu Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

**Kuala Lumpur, 21 April 2022:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan Rangka Kerja Kelestarian baharunya untuk mentakrif dan memfokuskan matlamatnya demi masa depan yang lebih mampan di tengah-tengah perubahan landskap pelaburan global yang berubah. Sebagai pemegang amanah kekayaan dan aset Malaysia yang dipercayai, PNB bertanggungjawab untuk memimpin dan melaksanakan perubahan bagi memastikan peralihan yang teratur dan saksama ke arah ekonomi yang mampan. Institusi itu secara rasmi mendedahkan rangka kerja tersebut kepada media pada taklimat maya petang tadi, selepas sesi *PNB Knowledge Forum* yang diadakan secara tertutup untuk pasukan kepimpinan syarikat-syarikat pelaburannya di sebelah pagi.

Sejak penubuhannya pada 1978, PNB telah melaksanakan mandatnya untuk menjana pulangan mampan kepada lebih 14 juta pemegang akaun. Untuk terus berbuat demikian dalam jangka masa panjang, PNB perlu menangani isu-isu penting berkaitan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang memberi kesan kepada portfolionya dan secara aktif memanfaatkan peluang yang menguntungkan. Oleh itu, Rangka Kerja Kelestarian PNB telah dirumuskan berpandukan beberapa falsafah dasar. Pertama ialah dengan menyepadukan isu ESG secara lebih sistematik ke dalam pelaburan dan operasi PNB, PNB akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk merebut peluang baharu. Dengan saiz dan pengaruhnya, PNB juga mempunyai peranan penting dalam menangani cabaran sistemik yang dihadapi oleh komuniti dan pihak berkepentingan, khususnya pemegang unitnya.

Di samping itu, untuk memastikan peralihan yang teratur ke arah masa depan yang lebih mampan, PNB perlu memimpin melalui teladan untuk mendapatkan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Ini termasuk, antara lain, menerapkan ESG ke dalam operasinya, membina budaya kelestarian yang holistik dan bersikap telus dalam apa jua yang dilakukan. Paling penting, PNB berhasrat untuk mengemaskini komitmen dan strateginya secara proaktif, dengan mengiktiraf keperluan untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan perkembangan iklim dan landskap kelestarian.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata semasa taklimat media, “Sebagai salah satu institusi pengurusan dana terbesar negara dengan kira-kira 10% dilaburkan dalam syarikat domestik yang tersenarai di bursa tempatan, PNB mempunyai tanggungjawab untuk mengemudi kerumitan perjalanan ESG. Kami percaya bahawa lebih banyak lagi boleh dicapai secara kolektif dan dengan itu PNB akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memajukan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang ESG, serta penggunaan dan amalan terbaiknya untuk kekal mampan.”

Tun Arifin seterusnya menghuraikan bahawa “Pada 2021, Malaysia mengumumkan dalam Rancangan Malaysia ke-12, matlamat untuk negara menjadi neutral karbon menjelang 2050. Kami percaya korporat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranan penting dan perlu bekerjasama ke arah mencapai matlamat ini. Bagi PNB sebagai sebuah syarikat, kami menasihatkan untuk menjadi syarikat sifar bersih menjelang 2025 dengan portfolio sifar bersih menjelang 2050, bekerjasama dengan syarikat pelaburan kami dalam menyokong cita-cita Malaysia menjadi negara neutral karbon.”

PNB telah mengenal pasti 10 komitmen ESG di bawah tiga teras berikut.

### ***Persekitaran***

Di bawah teras ini, PNB berusaha untuk menyelaraskan usaha kelestariannya bagi menyokong peralihan ke arah ekonomi hijau dengan tiga komitmen. PNB komited kepada Syarikat Sifar Bersih menjelang 2025, mencapai Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050 dan melabur RM10 bilion dalam aset Hijau dan Peralihan menjelang 2030.

### ***Sosial***

Untuk teras ini, PNB bermatlamat untuk menangani isu-isu mengenai ekuiti dan keterangkuman. Ini termasuk mengambil pendirian tegas terhadap isu hak buruh demi mengukuhkan lagi Rangka Kerja Pengawasan yang dilancarkan pada 2020, memastikan semua kakitangan PNB memperoleh gaji melebihi upah sara hidup menjelang 2023 dan menetapkan sasaran 40% penyertaan wanita di peringkat pengurusan kanan menjelang 2025. Di bawah teras ini, syarikat juga komited untuk mengimbangi keuntungan PNB dengan pelaburan sosial agar sejajar dengan misi meningkatkan kekayaan untuk Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

### ***Tadbir Urus***

Tumpuan teras ini adalah untuk PNB menjadi lebih telus dan aktif secara strategik dalam melibatkan isu berkaitan ESG dan perubahan iklim. PNB menyokong amalan tadbir urus yang kukuh dengan cara mewujudkan Model Pengawasan *Triple Bottom Line*, untuk memacu ketelusan yang lebih tinggi dalam pengundian dan memastikan pendedahan pelaporan adalah selaras dengan Pasukan Petugas untuk Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (*Task Force on Climate Related Financial Disclosures*).

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata “Di PNB, kami akan bekerjasama dengan syarikat pelaburan kami ke arah membangunkan pelan penciptaan nilai yang akan memastikan pertumbuhan mampan operasi dan prestasi kewangan mereka. Terdapat tekanan yang hebat pada masa kini untuk syarikat menunjukkan prestasi kewangan, dan pada masa yang sama turut menerapkan aspek ESG ke dalam perniagaan mereka. Kami percaya bahawa, melalui usaha kolektif kami, cara baharu menjalankan perniagaan ini akan mewujudkan manfaat yang bermakna untuk PNB, syarikat pelaburan kami, rakan kongsi serta

pihak berkepentingan lain, dan pastinya jutaan rakyat Malaysia yang telah memberi kepercayaan kepada kami untuk mengurus pelaburan mereka.”

PNB diwujudkan oleh Kerajaan untuk objektif sosio-ekonomi yang merangkumi menggalakkan keterangkuman kewangan dalam kalangan semua rakyat Malaysia. Sepanjang 43 tahun yang lalu, PNB telah melaksanakan mandatnya untuk menjana pulangan yang mampan kepada pemegang unitnya dan telah berkembang untuk mengurus lebih daripada RM300 bilion aset untuk mereka. Ia juga telah membina pelan pembangunan bakat yang mampan untuk kakitangan dan kepimpinan masa depan melalui program biasiswanya. Di samping itu, PNB telah mempunyai 35% penglibatan wanita dalam pengurusan kanan dan komited untuk meningkatkan lagi bilangan kakitangan wanita di tempat kerja.

Dalam usaha memastikan kejayaan pelaksanaan Rangka Kerja Kelestariannya, PNB telah mewujudkan struktur tadbir urus komprehensif yang terdiri daripada jawatankuasa pengurusan yang berperanan melaporkan kepada Lembaga Pengarah. Selaras dengan itu, PNB telah mewujudkan dua fungsi baharu, iaitu Bahagian Pengawasan Pelaburan dan Jabatan Kelestarian Perusahaan yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan keseluruhan Rangka Kerja tersebut.

Klik di sini <https://bit.ly/PNBSUSTAINABILITYBOOKLET> atau imbas QR Code untuk mengakses risalah Rangka Kerja Kelestarian PNB



*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan antara syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**